

07 MAY 1997

MAHATHIR BERLEPAS PULANG SELEPAS LAWATAN SINGKAT KE AFRIKA SELATAN

CAPE TOWN, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas pulang ke tanah air hari ini setelah melakukan lawatan kerja singkat ke Afrika Selatan.

Dr Mahathir diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Semasa di sini, Perdana Menteri menerima anugerah tertinggi Afrika Selatan, Order of Good Hope dari Presiden Nelson Mandela.

Beliau juga merasmikan "Wisma Serting", ibu pejabat syarikat Malaysia, Serting Berhad, di sini.

Perdana Menteri sebelum itu melawat negara-negara Malawi dan Botswana semasa lawatan seminggunya ke tiga negara selatan Afrika.

-- BERNAMA

ES AHH